

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

**(JELUTONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.10.2014**

**Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang status kesiapsagaan pihak awam dan pihak swasta bagi pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa mempergiatkan program kesedaran dan latihan GST dari semasa

ke semasa untuk meningkatkan kefahaman serta kesiapsiagaan pihak awam dan pihak swasta mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada 1 April 2015. Program-program taklimat dan latihan mengenai GST telah berjalan secara intensif dengan sokongan padu daripada kementerian/ jabatan kerajaan dan persatuan-persatuan pengguna.

Penerimaan masyarakat serta tahap kesiapsiagaan mereka terhadap GST semakin baik. Ini kerana maklumat berkaitan GST dapat diakses dengan mudah secara capaian atas talian di mana mereka boleh melayari laman web Kementerian Kewangan ([www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)) dan laman web JKDM ([gst.customs.gov.my](http://gst.customs.gov.my)).

Selain itu, Pusat Panggilan Kastam (*call centre*) yang ditubuhkan oleh JKDM yang beroperasi di Kelana Jaya, Selangor juga memainkan peranan yang penting bagi memudahkan semua pihak mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan GST. Di samping itu, Jabatan Kastam telah membangunkan 60 Garis Panduan sebagai panduan kepada pihak industri berhubung dengan layanan dan prosedur-prosedur GST mengikut sektor-

sektor tertentu.

Pihak Jabatan Kastam akan mengadakan lawatan ke premis-premis perniagaan bagi memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar supaya peniaga dapat memahami dengan lebih jelas terhadap prosedur dan peraturan GST. Program handholding yang dilaksanakan oleh JKDM mulai 1 Oktober 2014 akan memberi pendedahan secara khusus kepada syarikat yang telah berdaftar untuk bersedia dari segi proses dan sistem.

Kerajaan yakin bahawa dengan tahap pemahaman yang tinggi, pelaksanaan GST dapat diterima baik oleh semua lapisan masyarakat dan seterusnya GST dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.